

SOALAN NO.: 11

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' SERI TIONG KING SING
KAWASAN : BINTULU
TARIKH : 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

SOALAN:

YB. DATO' SERI TIONG KING SING minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-

- a) apakah jumlah peruntukan tahunan yang disediakan sejak tahun 2013 sehingga kini untuk kerja penyelenggaraan jalan di seluruh negeri Sarawak terutamanya sepanjang Jalan Kidurong di Bintulu dan Jalan Persisiran Pantai Bintulu-Miri; dan
- b) apakah usaha Kementerian bagi memastikan keadaan jalan di negeri Sarawak senantiasa dalam keadaan selamat dan selesa digunakan terutama jalan perhubungan antara bahagian.

3

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Pihak Kementerian telah membelanjakan hampir RM470 juta bagi penyenggaraan jalan Persekutuan di Negeri Sarawak pada tahun 2013 sehingga kini. Manakala kerja penurapan jalan bagi jalan Kidurong di Bintulu telah dilaksanakan atas Arahan Kerja berkala pavemen pada tahun 2015 dan 2017 melibatkan peruntukan sebanyak RM2.25 juta. Dari segi aspek keselamatan, Kementerian ini telah membelanjakan sebanyak RM882,627.00 bagi kerja membekal dan memasang papan tanda di laluan tersebut pada tahun 2015.

Manakala Jalan Persisiran Pantai Bintulu-Miri adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

- (b) Pihak Kementerian sentiasa mengutamakan aspek keselamatan dan keselesaan dalam penyenggaraan di semua Jalan Persekutuan seluruh Malaysia termasuklah jalan Persekutuan di Negeri Sarawak.

Sehubungan itu, bagi memastikan aspek keselamatan dan keselesaan pengguna Jalan Persekutuan sentiasa berada dalam keadaan memuaskan, Kementerian sentiasa memantau prestasi syarikat-syarikat konsesi melalui pelaksanaan lawatan pemantauan setiap tiga (3) kali setahun dan Mesyuarat

Penyelarasan/Pemantauan Jalan Persekutuan setiap empat (4) kali setahun. Walau bagaimanapun, pihak JKR Negeri dan JKR Bahagian telah dipertanggungjawabkan untuk mengawasi kerja-kerja-kerja syarikat konsesi ini. Misalnya, bagi kerja-kerja berkala, pihak syarikat perlu melaksanakan pengujian dan penyemakan laporan pengesahan kualiti (Quality Assurance-QA) dan laporan kawalan kualiti (Quality Control-QC) sebelum JKR Bahagian mengesahkan bayaran bagi kerja-kerja yang telah dibuat. Di samping itu, rondaan sebanyak 2 kali seminggu di jalan Persekutuan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi bagi memastikan jalan Persekutuan selamat dan selesa untuk digunakan oleh pengguna jalanraya.

Sekian, terima kasih.